

15/02/2001

Menteri Seameo gerakan usaha atasi kemiskinan

PERSIDANGAN Majlis Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (Seameo) yang berakhir di Kota Kinabalu, Sabah semalam, mencapai kata sepakat untuk menggerakkan pusat serantaunya melaksanakan projek bagi mengatasi masalah kemiskinan di kalangan penduduk negara anggota.

Pengerusi majlis berkenaan yang juga Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad berkata, 15 pusat serantau Seameo yang terletak di sebahagian besar negara anggota akan diminta melaksanakan projek bagi mengurangkan kemiskinan serantau.

Selain itu, katanya, pusat serantau Seameo di Singapura akan menyediakan kursus dan latihan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di negara anggota.

"Kecuali Singapura yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama, negara anggota Seameo lain mengambil keputusan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris yang makin penting di peringkat antarabangsa, sebagai bahasa perhubungan kedua.

"Sehubungan itu, pusat serantau pendidikan bahasa di Singapura akan bertindak menyediakan bahan pengajaran bahasa berkenaan yang turut dilaksanakan melalui kaedah pendidikan jarak jauh," katanya.

Musa juga berkata, kelulusan juga diberikan bagi melanjutkan projek online warisan kebudayaan di bawah Seameo yang kini terdapat di 30 sekolah di lapan negara anggota.

Selain itu, persidangan yang berlangsung selama tiga hari itu yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin lalu turut memberi perhatian mengenai kejayaan Seameo melancarkan isu pertama Journal of Southeast Asian Education dan Anugerah Akhbar Seameo-Australia pertama yang diberikan kepada wartawan Thailand.

Musa berkata, persidangan majlis Seameo akan datang akan diadakan tahun depan di Thailand.

Beliau turut mengumumkan pelantikan pengarah baru Sekretariat Seameo yang berpusat di Bangkok iaitu Dr Arief Sudiman bagi menggantikan Dr Suparak Racha-Intra yang melepaskan jawatan selepas berkhidmat selama empat tahun.

Turut hadir pada persidangan kali ke-36 di Kota Kinabalu selain menteri dan pegawai tinggi pendidikan 10 negara Asia Tenggara ialah perwakilan negara bersekutu Seameo dari Jerman, Australia, Kanada dan Perancis.

Pemerhati persidangan yang hadir mewakili Pertubuhan Kebudayaan, Saintifik dan Pendidikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco), Persatuan Institusi Pengajian Tinggi Asia Tenggara (Asaihl) dan sekretariat Asean.

(END)